

27/05/2003

LHDN kekal sasaran RM50.5 bilion tahun ini

KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), mengekalkan sasarannya untuk mengutip cukai berjumlah RM50.5 bilion tahun ini, walaupun Pakej Strategi Baru Ekonomi yang diumumkan kerajaan minggu lalu mungkin menjejaskan perolehan jabatan itu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Zainol Abidin Abd Rashid, berkata tumpuan kepada bahagian lain yang tidak terbabat dengan 16 pelepasan cukai menerusi pakej bernilai RM7.3 bilion seperti diumumkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu.

Tahun lalu, katanya, LHDN meraih kutipan sebanyak RM44.9 bilion berbanding sasaran asal RM45 bilion, dengan sektor korporat menjadi penyumbang utama iaitu sekitar 80 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, sasaran RM50.5 bilion itu ditetapkan Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2003 tahun lalu dan pihaknya tidak melihat keperluan mengkaji semula angka berkenaan walaupun pelbagai pelepasan cukai diberi menerusi Pakej Strategi Baru Ekonomi.

"Kalau LHDN kata nak kurangkan jumlah kutipan, pegawai kita akan bersenang-lenang. Tak perlu kaji semula... kalau tahun ni tak dapat (mencapai sasaran), kita cuba lagi tahun depan kerana jumlah itu digunakan untuk membangunkan negara dan menjana ekonomi.

"Tugas LHDN adalah untuk mengutip cukai sebanyak mungkin seperti yang dikehendaki kerajaan dan jika wujud penurunan (pelepasan cukai) yang banyak, kita perlu bekerja keras dalam sektor lain untuk memastikan sasaran itu dapat dicapai.

"Kita akui sebarang langkah yang memberi pelepasan kepada pembayar cukai akan menjejaskan kutipan LHDN, tetapi ia bukan bermakna kutipan kita berkurangan," katanya.